

03/05/1999

Pejabat WAY pindah ke Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad - Ibu Pejabat Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) berpindah dari Copenhagen, Denmark ke Pusat Belia Antarabangsa, Cheras mulai semalam kata presidennya, Datuk Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata pemindahan itu dibuat bagi menjimatkan kos, di samping memudahkan pelaksanaan program dan pengurusan WAY.

"Perkara itu sudah dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mohd Ali berkata, pemindahan itu turut dipersetujui oleh 13 exco Way yang lain.

(END)